

CHURCH OF DIVINE MERCY

Alamat: 117, Jalan Kenari, Sg. Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: 04-646 6881 / 013-584 6881 | E-mel: cdmpenang@outlook.com

Laman Web: www.cdm.my | Facebook: Church of Divine Mercy Sg Ara | Instagram: @cdmpenang

Jam Kerja Pejabat Paroki: Tutup hari Isnin

9.00pg - 5.00ptg (Selasa - Jumaat) | 9.00pg - 1.00ptg (Sabtu & Ahad)



LINKTR.EE/CDMPENANG

Bicara Paderi...

Kita memulakan Minggu ke-26 dengan cabaran khusus daripada Tema Minggu ini, "Tindakan atau kelalaian kita akan menentukan nasib abadi kita." Sebagai murid-murid yang telah dibaptis, kita dipanggil untuk mengikuti Jalan, iaitu Yesus Tuhan kita. Mengikuti Dia bererti mengikuti jalan kasih-Nya. Melalui bacaan-bacaan tersebut, kita melihat bahawa Tuhan mempunyai tempat istimewa di dalam hati-Nya untuk janda dan anak yatim, untuk orang miskin dan mereka yang tertindas, begitu juga dengan kita.

Dalam bacaan pertama, nabi Amos menggambarkan gaya hidup orang-orang kaya. Kekayaan itu sendiri bukanlah jahat. Namun, kita menjadi jahat ketika kita menggunakan kekayaan untuk memuaskan ketamakan kita atau sehingga mengganggu kasih kita kepada Tuhan dan sesama. Amos menegur tentang sikap ketidakpedulian dan ketidakpuasan diri orang-orang kaya. Ini adalah amaran profetik Amos menyingkap kecacauan dalam mereka yang penug dengan kerakusan hawa nafsu dan kemewahan hidup mereka. Dosa terburuk mereka bukanlah kerana nafsu mereka, tetapi ketiadaan cinta kasih kepada orang lain.

Amaran nabi Amos dilanjutkan dalam Injil hari ini, melalui perumpamaan yang mencabar tentang orang kaya dan Lazarus. Perumpamaan ini mengingatkan kita bukan sahaja tentang tanggungjawab sosial kita dalam kehidupan ini, tetapi juga hubungannya dengan apa yang akan terjadi kepada kita dalam kehidupan seterusnya. Dosa orang kaya bukan kerana dia kaya, tetapi kerana dia langsung tidak mepedulikan orang lain. Nuraninya begitu tumpul sehingga tidak terusik bahkan setiap pagi dia melangkahi Lazarus yang terbaring di depan pintunya. Bahkan setelah kematiannya, orang kaya itu masih tidak tahu mengapa dia disiksa meskipun kita tahu bahawa sebenarnya dia tahu nama orang miskin itu.

PENGUMUMAN PAROKI / DIOSIS

PENGUMUMAN PERKAHWINAN: SABTU, 4 OKTOBER 2025 | SERVIS JAM 10.30PG

JONATHAN SEOW WEI JIAN & KIM EUNGYEONG

Sekiranya ada yang mengetahui sebarang halangan kanonik terhadap cadangan perkahwinan yang dinyatakan, sila hubungi paderi paroki.

KOLEKSI MISA

Sabtu, 20 Sept: RM1539.50 (1st) RM1029.90 (2nd - Perluasan Gereja)

Ahad, 21 Sept: RM2510 (1st) RM1228 (2nd - Perluasan Gereja)

MENJADI AHLI - HATI CARITAS

Marilah kita bersatu hati dan minda untuk mencetuskan idea-idea baharu, berkongsi masa dan bakat anda untuk membawa harapan dan perubahan positif kepada mereka yang paling memerlukan. Hubungi: Jude Ravi (012-476 8506) atau Yijing Jia (012-4793586)

PENGUMPULAN BATERI TERPAKAI

Kementerian "Friends of Creation" akan meninggalkan kotak kutipan untuk bateri isi rumah kecil terpakai, hanya dari **Sabtu, 27 Sept (5.00ptg) hingga Ahad, 28 Sept (12.30 tgh hari)**. Sila ambil perhatian bahawa kotak akan diletakkan di bangku sebelah Pejabat Tingkat Bawah.

BOTOL-BOTOL BERKAT PT.2 OLEH KEMENTERIAN LIVING SPRING

Kami menukarkan botol kaca menjadi karya seni yang berwarna-warni dengan cat akrilik. Bawa bersama botol kaca bersih (sebarang bentuk/saiz), pen akrilik dan imaginasi baik! Tarikh/Masa/Tempat: **Selasa, 30 Sep 2025 (4.00ptg - 6.00ptg)** di Dewan St. Faustina Hubungi: Amy (012-456 9434) / Boon (012-418 3989)

GOTONG-ROYONG KEJIRANAN

Sertailah kami dalam Musim Penciptaan ini untuk gotong-royong bersama penduduk tempatan, migran dan pelarian, dan jadikan sebahagian daripada sesuatu yang bermakna! Tarikh/Masa/Tempat: **Sabtu, 4 Okt (7.00pg - 11.30pg)** di Flat Taman Pulasan, Bukit Minyak Pautan pendaftaran: <https://caritaspenang.com/register-gotong-royong> Pertanyaan: 01175122742

PEMBERKATAN HAIWAN PELIHARAAN

Tarikh/Masa: **Sabtu, 4 Okt (8.00 pagi)** di ruang bawah gereja
Sila menjaga kebersihan haiwan peliharaan anda dan pastikan mereka diikat atau dikurung pada setiap masa. Sila kekal di dalam kenderaan anda bersama haiwan peliharaan anda jika mereka tidak dapat bertenang atau menyebabkan kesusahan kepada orang lain.
Fr. Michael Raymond OFM.Cap akan menghampiri anda/kenderaan anda satu persatu semasa pemberkatan.

KURSUS PRA-PERKAHWINAN DALAM BAHASA MALAYSIA

Khas untuk pasangan yang bertutur dalam Bahasa Malaysia di Keuskupan Pulau Pinang. Tarikh/tempat: **Sabtu, 4 Okt - Ahad, 5 Okt 2025** di Domus, Minor Basilika St. Anne
Sila hubungi: Sr. Lucynia (010-796 6882) atau Byron (013-595 0232)
Pautan pendaftaran: <https://forms.gle/3CvYjyEGQ8LvgBr87> Tarikh tutup: 29 Sept 2025

"ALIRAN AIR HIDUP" oleh Komuniti Dunia untuk Meditasi Kristian (WCCM)

Malam muzik, doa, dan meditasi bersama Fr. Cyprian Consiglio, OSB.Cam. Semua orang dialu-alukan, pendaftaran tidak diperlukan.
Tarikh/Masa: **Selasa, 7 Okt 2025 (8.00 malam)**
Tempat: Dewan Roh Kudus, Katedral Roh Kudus

Pembaharuan Karismatik:

Rabu, 8 & 22 Oct 2025 (8.15mlm) di Dewan St. Faustina

Meditasi Kristian:

Rabu, 1 & 15 Oct 2025 (8.30mlm) di Bilik Adorasi St JP II



Kita dapat membayangkan orang kaya itu berkata kepada dirinya sendiri, saya tidak pernah menyakiti sesiapa pun. Saya tidak pernah melakukan apa pun kepada Lazarus. Jelas sekali bahawa dia juga tidak pernah melakukan apa pun untuk Lazarus. Dosa orang kaya itu adalah dosa kelalaian; dia tidak melihat apa yang seharusnya dilihat, dan dia tidak melakukan apa yang seharusnya dia lakukan. Dalam nasihat penuh hikmah Santo Paulus kepada Timotius dalam bacaan kedua, kita digesa untuk melihat segala sesuatu daripada sudut pandangan kehidupan kekal, dan bertindak sesuai dengan itu. Inilah yang akan menyelamatkan kita daripada terjebak dalam kebutaan moral seperti yang dialami oleh orang kaya itu. Kita berhubung nyawa kita kepada Tuhan, yang memberi kehidupan kepada segala sesuatu. Selagi kita berada di dunia ini, kita dipanggil untuk mentaati perintah "kasih".

Paulus menjelaskan hal ini dengan lebih tegas lagi dalam ayat-ayat berikutnya, di mana dia memberitahu Timotius bagaimana untuk menasihati orang kaya tentang penggunaan harta duniawi mereka yang betul. Injil memberikan kita satu gambaran yang melekat dalam imaginasi kita: Lazarus beristirahat di pangkuan Abraham, seperti Yohanes yang bersandar di hati Yesus pada Perjamuan Terakhir. Ini adalah gambaran Syurga, masa depan yang penuh berkat yang kita semua rindukan. Kemiskinan bukanlah penghalang ke syurga, tetapi sifat mementingkan diri adalah penghalangnya. "Tindakan atau kelalaian kita akan menentukan nasib abadi kita." Kita menyerahkan diri kita sendiri dalam kehidupan ini, dengan menjaga mereka yang Tuhan tempatkan di hadapan kita, dengan keyakinan bahawa ketika kita mati, Yesus rindu untuk memeluk kita dan menyatukan kita dengan hati Bapa.

Kejarlah keadilan, ibadah, kesetiaan, kasih, kesabaran dan kelembutan. Bertandinglah dalam pertandingan iman yang benar. - 1Timotius 6:11-12

- Apakah pendapat saya tentang kebenaran ini: Tindakan atau kelalaian kita akan menentukan nasib abadi kita?
- Bilakah saya mengabaikan dosa-dosa kelalaian saya?
- Bagaimanakah saya dapat lebih menyatakan kasih dan keprihatinan kepada orang-orang miskin, janda, dan mereka yang tertindas?

Masa Misa & Doa	Tarikh	Keterangan
Ulang Tahun Paroki ke-12		
Chaplet Kerahiman Illahi	8.30pg	Hari Minggu ke-26 Waktu Biasa Am 6: 1, 4-7 1 Tim 6: 11-16 Lk 16: 19-31
Misa	9.00pg	
	Ahad	28 Sept
<i>Tiada Misa</i>	Isnin	Santo Mikhael, Gabriel dan Raphael, Malaikat Agung
	29 Sept	
Lauds	6.20pg	Santo Jerome, Pendeta & Doktor
Misa	6.45pg	
Hari ke-5 Novena	3.00ptg	
Ulang Tahun Kenaikan Kardinal Sebastian Francis		
Lauds	6.20pg	Santa Theresia dari Kanak-kanak Yesus, Perawan & Doktor
Misa diikuti doa rosario	6.45pg	
Hari ke-6 Novena	3.00ptg	
Lauds	6.20pg	Para Malaikat Pelindung Suci
Misa	6.45pg	
Hari ke-7 Novena	3.00ptg	
Hari ke-8 Novena	3.00ptg	Jumaat 3 Oct
Doa Suci diikuti Misa	8.00mlm	
Lauds	6.20pg	Santo Fransiskus dari Asisi
Misa di Grotto diikuti doa Rosario	6.45pg	
Pemberkatan Haiwan Peliharaan	8.00pg	
Hari ke-9 Novena	3.00ptg	
Novena kepada OMPH	5.15ptg	
Misa	5.30ptg	
HARI SEDUNIA MIGRAN & PENGUNGSU		
Chaplet Kerahiman Illahi	8.30pg	Hari Minggu ke-27 Waktu Biasa Hab 1: 2-3, 2: 2-4 2 Tim 1: 6-8, 13-14 Lk 17: 5-10
Misa	9.00pg	
	Ahad	5 Oct